



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

#KitaSelangor

20 FEBRUARI 2024

KENYATAAN MEDIA BERKENAAN **PELANCARAN PROJEK PEMASANGAN PANEL SOLAR** **DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

1. Kerajaan Negeri Selangor komited dalam usaha menangani perubahan iklim, termasuklah sumber Tenaga Boleh Diperbahruikan (RE) melalui pelaksanaan pemasangan panel solar. Sejalan dengan komitmen ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau telah mengorak langkah dengan memulakan projek pemasangan panel solar di bangunan-bangunan milik kerajaan iaitu di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor dan 9 buah bangunan di setiap Pejabat Daerah/Tanah (PDT) di Negeri Selangor bermula pada tahun 2019.
2. Bagi pelaksanaan pemasangan panel solar ini, selepas melalui pelbagai proses konsultasi dan perbincangan Kerajaan Negeri menerusi Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan GSPARX Sdn. Bhd, pemeteraian perjanjian *Tripartite* telah dapat dimuktamadkan. Pemeteraian perjanjian ini menandakan satu pencapaian penting bagi Kerajaan Negeri dalam mempraktikkan amalan hijau dan membawa Kerajaan Negeri melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan agenda rendah karbon.

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com

3. Khusus bagi Pelancaran Projek Pemasangan Panel Solar di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri pada hari ini, untuk makluman semua, pemasangan panel solar telah selesai dan mula beroperasi pada 16 Ogos 2023. Status terkini pemasangan solar di bangunan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

| BIL | PERKARA | STATUS |
|------------|--------------------|---|
| 1. | Bangunan SUK | Selesai pemasangan dan mula beroperasi pada 16 Ogos 2023 |
| 2. | PDT Hulu Selangor | Selesai pemasangan dan mula beroperasi pada 17 Januari 2024 |
| 3. | PDT Kuala Langat | Selesai pemasangan dan masih menunggu kelulusan lesen daripada Suruhanjaya Tenaga |
| 4. | PDT Sabak Bernam | Selesai pemasangan dan di peringkat ujian akhir |
| 5. | PDT Petaling | Pemasangan panel solar akan dimulakan pada akhir bulan Februari 2024 |
| 6. | PDT Klang | |
| 7. | PDT Gombak | |
| 8. | PDT Sepang | |
| 9. | PDT Kuala Selangor | |
| 10. | PDT Hulu Langat | |

4. Selain projek pemasangan panel solar di Bangunan SUK dan PDT, inisiatif ini telah mula dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Selangor dengan pelaksanaan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan termasuklah dewan, pasar dan taman awam.
5. Selain daripada pemasangan panel solar di bumbung bangunan, Kerajaan Negeri menerusi anak syarikat, Worldwide Holdings Berhad juga aktif meneroka projek-projek tenaga boleh diperbaharui dengan membangunkan ladang solar berskala besar terapung yang kini dalam fasa pelaksanaan di Bestari Jaya, Kuala Selangor.
6. Justeru, Kerajaan Negeri Selangor menyeru semua pihak terutamanya Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri untuk meneroka dan melaksanakan inisiatif pemasangan panel solar di bawah program yang ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) seperti Program Net Energy Metering (NEM) dan lain-lain program yang bersesuaian dalam usaha ke arah merealisasikan agenda rendah karbon.
7. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa komited dalam usaha melestarikan alam sekitar, terutama sekali dalam berhadapan dengan kesan perubahan iklim. Usaha-usaha ini akan diteruskan bagi menyokong usaha negara dan global dalam mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 45% menjelang tahun 2030 dan sifar karbon seawal tahun 2050.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar

PEJABAT EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR

Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: 03 5544 7623 Emel: jamaliah.selangor@gmail.com